



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***FAKTOR PERAMAL HASRAT PERLAKUAN TERHADAP INTERNET
DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH DI KELANTAN***

NURUL HAFIZA BINTI ISMAIL

FPP 2014 50



**FAKTOR PERAMAL HASRAT PERLAKUAN TERHADAP INTERNET
DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH DI KELANTAN**

Oleh

NURUL HAFIZA BINTI ISMAIL

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Master Sains**

Ogos 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**FAKTOR PERAMAL HASRAT PERLAKUAN TERHADAP INTERNET
DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH DI KELANTAN**

Oleh

NURUL HAFIZA BINTI ISMAIL

Ogos 2014

Pengerusi : Profesor Madya Ahmad Fauzi Mohd Ayub, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor peramal yang menyumbang kepada hasrat perlakuan terhadap Internet dalam kalangan murid tingkatan 4 di negeri Kelantan. Faktor peramal yang dikaji adalah efikasi swadiri Internet, sikap terhadap Internet, persepsi kemudahgunaan Internet dan persepsi kebergunaan Internet terhadap hasrat perlakuan Internet. Seramai 262 orang responden daripada 17 buah sekolah dipilih secara rawak di 10 buah daerah di Kelantan. Data kajian dikumpul menggunakan soal selidik dan di analisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 20. Analisis deskriptif dilakukan untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai pembolehubah. Analisis inferensi menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara sikap terhadap Internet, efikasi swadiri Internet, persepsi kemudahgunaan Internet, persepsi kebergunaan Internet dengan hasrat perlakuan terhadap Internet. Selain itu analisis regresi linear pelbagai digunakan untuk mengenalpasti faktor peramal iaitu empat pembolehubah tidak bersandar yang menyumbang kepada hasrat perlakuan untuk menggunakan Internet. Dapatan kajian menunjukkan persepsi kebergunaan Internet adalah faktor peramal yang lebih baik kepada hasrat perlakuan murid untuk menggunakan Internet berbanding efikasi swadiri Internet, persepsi kemudah gunaan Internet dan sikap terhadap Internet.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfillment of the requirement for the degree of Master Science

**PREDICTOR BEHAVIOURAL INTENTION TOWARDS INTERNET AMONG
SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN KELANTAN**

By

NURUL HAFIZA BINTI ISMAIL

August 2014

Chairman : Ass. Prof. Ahmad Fauzi Mohd Ayub, PhD

Faculty : Educational Studies

This study aims to identify predictive factors that contribute towards student behavioural intention to use the Internet among form 4 students in Kelantan. Predictive factors studied were Internet self-efficacy, Internet perceived ease of use, Internet perceived usefulness and attitude towards the Internet against behavioural intention to use the Internet. A total of 262 samples were selected from 17 schools randomly selected in 10 districts in Kelantan. Data were collected in a quantitative manner using a questionnaire and analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20. Descriptive analysis was done to obtain the mean and standard deviation of variables. Inferential analysis shows that there was a positive and significant relationship between attitudes toward the Internet, Internet self-efficacy, Internet perceived ease of use and Internet perceived usefulness with behavioural intention to use the Internet. In addition to the multiple linear regressions analysis was used to identify predictive factors of four independent variables that contributed towards behavioural intention to use the Internet. The results showed the perceived usefulness was a better predictor of student behavioural intention to use the Internet compared with the Internet self-efficacy, perceived ease of use and attitudes toward the Internet.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha pemurah lagi Maha Mengasihani

Setinggi-tinggi kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan limpah kurniaa-Nya serta izin-Nya dapat saya menyempurnakan tesis Master Sains ini dengan jayanya. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW dan seluruh ahli keluarga baginda.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada dua orang pensyarah iaitu Prof. Madya Dr. Ahmad Fauzi Mohd Ayub selaku penasihat dan Prof. Madya Dr. Wong Su Luan sebagai penyelia dengan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau kerana banyak membantu, memberi tunjuk ajar dan membimbing saya dengan penuh kesabaran serta perkongsian ilmu yang tidak ternilai kepada saya sepanjang menyiapkan tesis Master Sains ini. Semoga segala ilmu yang dicurahkan kepada saya mendapat keberkatan dan di redhai oleh Allah SWT di dunia dan akhirat.

Seterusnya ingatan tulus ikhlas yang tidak terhingga terutamanya kepada ayahanda Ismail b Mamat dan bonda Hasmah bt Isa yang tercinta kerana tidak jemu untuk mendoakan kejayaan dan kesejahteraan anakanda di dunia dan akhirat. Semoga Allah SWT melimpahkan segala nikmat kurniaan ke atas keduanya. Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ini juga ditujukan kepada semua ahli keluarga yang sentiasa memberi galakan dan sokongan tidak kira dari segi moral dan kewangan. Yang teristimewa Roslan, Hasimah, Zahariah, Suziani, Zolfaizan, Rabiatul, Suhaila, Maizatul, Siti, Fatihah, Fahmi, Syuhadah, Nasrullah (arwah), Nasruddin serta anak-anak saudara yang di kasih sekalian.

Rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang turut terlibat membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Semoga Allah SWT membala jasa baik kalian. Budi baik tuan dan puan akan tetap menjadi ingatan.

Amin Ya Rabbal 'Alamin

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 7 Ogos 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nurul Hafiza Binti Ismail bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Faktor Peramal Hasrat Perlakuan Terhadap Internet Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah di Kelantan " mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Wan Zah bt Wan Ali, PhD

Profesor

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mokhtar b Dato' Hj. Nawawi, PhD

Profesor

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Rosnaini binti Mahmud, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Balakrishnan a/l Muniandy, PhD

Profesor

Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia
Universiti Sains Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 Februari 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ahmad Fauzi Mohd Ayub, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Wong Su Luan, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor and Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Pengakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik.: _____

Pengakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukur bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi _____
Jawatankuasa _____
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli _____
Jawatankuasa _____
Penyeliaan: _____

SENARAI KANDUNGAN


	Halaman
ABSTRACT	i
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGAKUAN	xii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	
 BAB	
1 PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Peranan dan Kepentingan Internet dalam P&P	2
1.2 Penggunaan Internet dalam kalangan murid sekolah	2
1.3 Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan Internet	4
1.4 Pernyataan Masalah	6
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Persoalan Kajian	9
1.7 Definisi Istilah	10
1.7.1 Internet	10
1.7.2 Efikasi swadiri Internet	10
1.7.3 Persepsi Kemudahgunaan	10
1.7.4 Persepsi Kebergunaan	10
1.7.5 Sikap	11
1.7.6 Hasrat Perlakuan	11
1.8 Kepentingan Kajian	11
1.9 Limitasi Kajian	12
1.10 Kesimpulan	14
2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	15
2.2 Internet	15
2.3 Internet dalam Pendidikan	17
2.4 Penggunaan Internet di seluruh Dunia dan Malaysia	18
2.5 Penggunaan Internet	24
2.6 Sikap murid terhadap Internet	25
2.7 Efikasi swadiri Internet	26
2.8 Persepsi Kemudah gunaan, persepsi kebergunaan	28
2.9 Hasrat Perlakuan	29

2.10	Teori Berkaitan dengan Kajian	30
2.10.1	Teori Tindakan Beralasan	30
2.10.2	Teori Tingkah laku Terancang	32
2.10.3	Model Penerimaan Teknologi (TAM)	32
2.11	Kerangka Teori Kajian	34
2.12	Kerangka Konsep Kajian	35
2.13	Kesimpulan	38
3	METODOLOGI	
3.0	Pendahuluan	39
3.1	Reka bentuk Kajian	39
3.2	Populasi kajian	40
3.3	Pemilihan Sampel kajian	41
3.4	Instrumen Kajian	44
3.4.1	Bahagian A: Demografi Murid	44
3.4.2	Bahagian B: Efikasi Swadiri Internet Murid	45
3.4.3	Bahagian C: Persepsi Terhadap Kemudahgunaan Internet	45
3.4.4	Bahagian D: Persepsi Terhadap Kebergunaan Internet	45
3.4.5	Bahagian E: Sikap Murid Terhadap Internet	46
3.4.6	Bahagian F: Hasrat Perlakuan Internet	46
3.5	Proses Penterjemahan	47
3.6	Kesahan Instrumen	47
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen	48
3.8	Kajian Rintis	48
3.9	Prosedur Kajian	50
3.10	Analisis Data	52
3.10.1	Analisis Deskriptif	52
3.10.2	Analisis Inferensi	53
3.10.3	Syarat Ujian Regresi Linear Pelbagai	54
3.11	Analisis Penerokaan Data (EDA)	56
3.11.1	Data terpencil (outliers)	56
3.11.2	Histogram	57
3.11.3	Plot Kebarangkalian Normal (Q- Q plots)	59
3.11.4	Ujian kepencongan (skewness) dan kurtosis	61
3.12	Kesimpulan	62
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	63
4.2	Profil Demografi Responden	63
4.3	Efikasi swadiri Internet	64
4.4	Persepsi kemudahgunaan Internet	66
4.5	Persepsi Kebergunaan Internet	68

4.6	Sikap Murid terhadap Internet	69
4.7	Hasrat Perlakuan Internet	71
4.8	Hubungan antara sikap terhadap Internet dengan hasrat perlakuan murid menggunakan Internet.	72
4.9	Hubungan antara efikasi swadiri terhadap Internet dengan hasrat perlakuan murid terhadap penggunaan Internet.	73
4.10	Hubungan di antara persepsi kemudahgunaan Internet dengan hasrat perlakuan murid terhadap penggunaan Internet.	73
4.11	Hubungan di antara persepsi kebergunaan Internet dengan hasrat perlakuan murid terhadap penggunaan Internet	74
4.12	Faktor peramal bagi hasrat perlakuan terhadap penggunaan Internet	75
4.13	Kesimpulan	79
5	PERBINCANGAN	
5.1	Pengenalan	81
5.2	Perbincangan	81
5.2.1	Sikap murid terhadap Internet	81
5.2.2	Efikasi swadiri Internet	82
5.2.3	Persepsi kemudahgunaan dan kebergunaan Internet	83
5.2.4	Hasrat perlakuan Internet	84
5.2.5	Hubungan di antara sikap terhadap Internet dengan hasrat perlakuan terhadap Internet	85
5.2.6	Hubungan di antara efikasi swadiri Internet dengan hasrat perlakuan Internet	86
5.2.7	Hubungan di antara persepsi kemudahgunaan Internet dengan hasrat perlakuan Internet	87
5.2.8	Hubungan di antara persepsi kebergunaan Internet dengan hasrat perlakuan Internet	88
5.2.9	Faktor peramal bagi hasrat perlakuan terhadap penggunaan Internet	89
5.3	Rumusan Kajian	91
5.4	Implikasi Kajian	92
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	94
5.6	Kesimpulan	94

**RUJUKAN
LAMPIRAN
BODATA PELAJAR
SENARAI PENERBITAN**

95
116
160
161



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Penggunaan Internet dan Statistik Penduduk Dunia	19
2.2	Penggunaan Internet, Data Penduduk dan Statistik Facebook Asia	19
2.3	Kadar penembusan jalur lebar per 100 isi rumah mengikut negeri	22
3.1	Daerah, bilangan sekolah, bilangan murid, peratus.	41
3.2	Bilangan sampel mengikut daerah.	43
3.3	Adaptasi instrument hasrat perlakuan Internet.	46
3.4	Nilai Cronbach Alpha bagi kajian rintis dan kajian sebenar.	50
3.5	Prosedur kajian	51
3.6	Nilai min bagi skala likert kajian	53
3.7	Nilai Pekali Korelasi 'r' dan Jenis Hubungan	53
3.8	Dimensi Pemboleh ubah Bersandar dan Pemboleh ubah tidak Bersandar	54
3.9	Persoalan kajian	55
3.10	Kepencongan, Kurtosis bagi pembolehubah ($N=262$)	61
4.1	Faktor demografi responden	63
4.2	Peratus, min dan sisihan piawai efikasi swadiri Internet.	65
4.3	Peratus, min dan sisihan piawai persepsi kemudahgunaan Internet.	66
4.4	Peratus, min dan sisihan piawai persepsi kebergunaan Internet.	68
4.5	Peratus, min dan sisihan piawai sikap	69

terhadap Internet.


4.6	Peratus, min dan sisihan piawai hasrat perlakuan Internet.	71
4.7	Ujian Korelasi Pearson bagi min sikap terhadap Internet dengan hasrat perlakuan terhadap penggunaan Internet.	73
4.8	Ujian Korelasi Pearson bagi min efikasi swadiri Internet dengan hasrat perlakuan terhadap penggunaan Internet.	73
4.9	Ujian Korelasi Pearson bagi min persepsi kemudahgunaan Internet dengan hasrat perlakuan terhadap penggunaan Internet.	74
4.10	Ujian Korelasi Pearson bagi min persepsi kebergunaan Internet dengan hasrat perlakuan terhadap penggunaan Internet.	75
4.11	Ringkasan Model regresi	76
4.12	Analisis regresi ANOVA	77
4.13	Model anggaran bagi coeffiants	77

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Teori tindakan alasan (TRA)	31
2.2	Teori tingkah laku terancang (TPB)	32
2.3	Model penerimaan teknologi (TAM)	34
2.4	Kerangka konsep kajian.	36
3.1	Boxplot bagi Sikap murid terhadap Internet	57
3.2	Boxplot bagi Efikasi swadiri Internet	57
3.3	Boxplot bagi Persepsi kebergunaan Internet	57
3.4	Boxplot bagi Persepsi kemudahgunaan Internet	57
3.5	Boxplot bagi Hasrat perlakuan Internet	57
3.6	Histogram bagi Sikap murid terhadap Internet	58
3.7	Histogram bagi Efikasi swadiri Internet	58
3.8	Histogram bagi Persepsi kebergunaan Internet	58
3.9	Histogram bagi Persepsi kemudahgunaan Internet	58
3.10	Histogram bagi Hasrat perlakuan Internet	59
3.11	Graf Normal Probability Plots (Q-Q plots) bagi Sikap murid terhadap Internet	60
3.12	Graf Normal Probability Plots (Q-Q plots) bagi Efikasi swadiri Internet	60
3.13	Graf Normal Probability Plots (Q-Q plots) bagi Persepsi kebergunaan Internet	60
3.14	Graf Normal Probability Plots (Q-Q plots) bagi Persepsi kemudahgunaan Internet	60
3.15	Graf Normal Probability Plots (Q-Q plots) bagi Hasrat perlakuan Internet	60

SENARAI SINGKATAN

TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
WWW	World Wide Web
LMS	Learning Management System
ICT	Information and Communication Technology
TAM	Technology Acceptance Model
PPD	Pegawai Pendidikan Daerah
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
EPRD	Education Planning and Research Department
SPSS	Statistical Package for Social Science
PBS	Penilaian Berasaskan Sekolah
TRA	Theory of Reasoned Action
TPB	Theory of Planned Behaviour
PDA	Personal Digital Aid
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
UTAUT	Unified Theory of Acceptance and Use of Technology
PE	Personal Expectation
EE	Expectation Effort
IQ	Information Quality
SQ	Service Quality
WAS	Web Attitude Scale
ISE	Internet Self Efficacy
GISE	General Internet Self Efficacy
WSE	Web Internet Self Efficacy
SCM	Social Cognitive Model
PEOU	Perceived Ease of Use
PU	Perceived Usefulness



© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Matapelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) menawarkan kemahiran asas yang bernalih kepada murid seiring dengan arus globalisasi serta ekonomi berdasarkan pengetahuan pada abad ke-21 dan berpadanan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) telah membawa perubahan kepada bidang pendidikan dimana aplikasi berdasarkan web dipraktikkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) sebagai bahan bantu mengajar untuk memberi pendedahan secara berterusan kepada murid (Irfan Naufal Umar & Nurullizam Jamiat, 2011).

Teknologi telah membina suatu cabaran baru kepada struktur pendidikan yang tradisional dengan menawarkan perkhidmatan yang memudahkan proses P&P bagi aspek pembangunan dan pelaksanaan strategi pengajaran yang baru dan inovatif. Antara pendekatan yang ditawarkan ialah penyebaran komputer peribadi, perisian produktiviti, multimedia dan sumber rangkaian. Guru dapat mengumpul pelbagai jenis maklumat daripada Internet untuk meningkatkan kualiti P&P supaya hasil pembelajaran lebih produktif dan efektif bagi meningkatkan penglibatan murid di dalam bilik darjah (Sam, Othman & Nordin, 2005; Irfan Naufal Umar & Nurullizam Jamiat, 2011).

Kesan perkembangan teknologi turut mengubah pendekatan masyarakat untuk berkomunikasi bagi mendapatkan perkongsian maklumat yang terkini. Institusi pendidikan turut mendapat tempias dimana guru juga telah mempraktikkan kemudahan seperti laman web (blog) bercirikan pendidikan untuk memberi peluang kepada murid berinteraksi dengan guru mereka di samping mendapat pendedahan terhadap teknologi secara berterusan (Ruzgar, 2005).

Tujuan utama penerapan kemahiran TMK dalam kalangan murid untuk melahirkan aset negara yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memeberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara selari dengan Falsafah Pendidikan Negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

1.1 Peranan dan Kepentingan Internet dalam P&P

Internet merupakan salah satu penyalur untuk pelbagai sumber maklumat kepada rangkaian komputer di seluruh dunia di mana melalui kemudahan sistem rangkaian secara terus. Perkhidmatan Internet yang menawarkan pelbagai jenis laman web sebagai medium komunikasi kepada pengguna untuk berinteraksi bagi proses perkongsian pelbagai jenis maklumat (Mohd Hajiman Haji Mat Jusak, 2002). Internet kini menjadi satu medium untuk pengguna berkomunikasi dan berhubung daripada pelbagai lokasi dan masa berbeza menerusi pelbagai aplikasi secara atas talian yang interaktif, menarik dan mesra pengguna seperti e-mel, melayari laman web (www) dan sebagainya (Jabatan Penerangan Malaysia, 2013).

Selain itu, peranan Internet dilihat menjadi semakin penting di dalam dunia pendidikan terutamanya kerana memberi faedah yang banyak kepada guru sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat akademik sebagai bantu pembelajaran. Faedah Internet kepada murid pula untuk mengasas kemahiran mereka bagi menjadi individu yang berkebolehan dalam teknologi sebagai persediaan untuk memasuki alam pekerjaan (Nor Hazidah Awang, 2005).

Kini di sekolah kemudahan talian akses Internet merupakan salah satu fasiliti yang perlu disediakan kepada murid bagi tujuan pencarian maklumat berkaitan akademik. Pada masa yang sama penggunaan Internet dalam kalangan murid perlu sentiasa di bawah pemantauan guru untuk mengelakkan murid mengunjungi laman web yang terlarang dan tidak berfaedah (Nurul Ain Hussain Mohammad Hussain & Izrayatul Maizura Abd Rahman, 2011).

Kepentingan Internet di dalam proses P&P adalah sangat ketara kerana guru perlu mengakses laman web Pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) untuk merekod maklumat pencapaian akademik murid sejak SPBS dilaksanakan di seluruh Malaysia bermula dari tahun 2011. Selain itu, PBS juga memainkan peranan utama dalam menghasilkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Aktiviti ini menambah lagi kadar penggunaan Internet dalam institusi pendidikan (Azmy Mohamed, 2011). Secara keseluruhan, Internet telah membawa suatu perubahan yang positif kepada kehidupan seharian pengguna dalam pelbagai aspek iaitu sebagai alat atau medium komunikasi, pembelajaran, hiburan dan platform menjalankan perniagaan yang fleksible dan mudah untuk digunakan oleh pengguna (Nielsen Holdings N.V., 2013).

1.2 Penggunaan Internet dalam Kalangan Murid Sekolah

Penggunaan Internet juga menjadi elemen penting di dalam dunia pendidikan terutama sebagai bahan bantu mengajar dalam proses P&P. Internet telah menjadi medium untuk penyampaian dan menyokong kursus yang ditawarkan di peringkat sekolah (Sam, Othman & Nordin, 2005; Irfan Naufal Umar & Nurullizam Jamiat, 2011) dan peringkat institusi pengajian tinggi (Ruzgar,

2005; Nor Hazidah Awang, 2005). Penggunaan Internet pada peringkat ini telah menjangkaui pelbagai aspek seperti memberi sokongan secara atas talian kepada kursus tradisional melalui penggunaan sistem pengurusan pembelajaran (LMS) (Brinkerhoff & Koroghlanian, 2005).

Selain itu, penggunaan Internet dalam kalangan murid sekolah merupakan suatu pengetahuan yang perlu di pelajari oleh murid. Selain itu, penggunaan Internet telah mewujudkan suatu ruang dan cabaran unik dalam proses P&P berbanding pengajaran di bilik darjah tradisional. Murid tidak hanya menjadikan buku teks sebagai sumber rujukan. Kini mereka juga mempunyai kemudahan untuk mendapatkan pelbagai bahan sumber maklumat menjangkaui bilik darjah melalui kemudahan Internet untuk akses pelbagai maklumat di serata dunia (Rozinah Jamaludin, 2007).

Penggunaan Internet melibatkan pelbagai aktiviti seperti mendapatkan maklumat sebagai contoh berita, kewangan, komunikasi, hiburan, pembelian, pekerjaan, penyelidikan dan lain-lain aktiviti melalui atas talian melalui Internet (Tih, 1998). Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (Rafidah Mat Ruzki, 2013) pengguna Internet di Malaysia bakal mencecah 25 juta orang pada tahun 2015 berbanding 18 juta orang pada 2012. Selain itu, pengguna Internet di Malaysia lebih banyak menghabiskan masa dengan melayari Internet terutamanya rangkaian sosial berbanding media masa lain seperti televisyen, radio dan surat khabar. Keadaan ini menunjukkan masyarakat telah menerima teknologi digital secara menyeluruh seiring dengan transformasi ke arah sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Hargis (2001) mendapat tujuan penggunaan Internet dalam kalangan murid sekolah adalah kerana mempunyai pendedahan terhadap Internet di sekolah, kadar akses Internet yang tinggi, sumber Internet yang banyak dan sebagai medium untuk bersosial. Ajzen dan Fishbein (1980) pula menerangkan bahawa penggunaan Internet dalam kalangan murid ialah untuk kegunaan pendidikan dan kegunaan umum seperti mencari maklumat dan medium untuk berkomunikasi. Penyelidik juga mendapat antara aktiviti-aktiviti Internet yang akan meningkatkan kadar penggunaan Internet ialah seperti melayari web, menghantar e-mel, permainan dalam talian, muat turun pelbagai, atau menggunakan permainan rangkaian.

Internet World Stat (Miniwatts Marketing Group, 2012) melaporkan pengguna Internet di Malaysia menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 17,723,000 penduduk di Malaysia merupakan pengguna Internet yang mewakili 60.7 peratus penduduk Malaysia. Selain itu, mereka juga mendapat Internet merupakan salah satu media pengiklanan yang berpotensi tinggi pada masa hadapan. Selain itu, laporan yang dipetik daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia menunjukkan bahawa peratus tertinggi pengguna Internet adalah mereka yang berumur 25 hingga 29 tahun (17.5%), diikuti mereka yang berumur antara 20 hingga 24 tahun (16.5%), mereka

diperingkat sekolah pula menunjukkan 8.6 peratus adalah berumur 15 – 19 tahun dan 11 peratus di bawah 15 tahun (Hazman Yusri Yusoff, 2012).

The Nielsen Co (M) Sdn Bhd (Nielsen Holdings N.V, 2013) menyatakan penggunaan Internet tertinggi dicatatkan dalam kalangan kumpulan muda yang berumur antara 20-24 tahun dengan enam daripada 10 merupakan pengguna Internet. Semua peringkat umur boleh melayari Internet sama ada di rumah, di tempat kerja atau di siber kafe. Generasi muda atau remaja merupakan satu segmen masyarakat yang penting dalam sebarang pembaharuan atau inovasi yang diperkenalkan. Ini seperti mana kajian oleh Mohd Yusof, Mohd Safar, Fuziah Kartini, Mohamed Azul dan Ali Salman (2007) yang menunjukkan generasi muda (umur dalam lingkungan 21 hingga 40 tahun) memberi persepsi yang positif serta mempunyai keyakinan positif terhadap aplikasi atas talian seperti e-kerajaan dan e-dagang. Kajian juga menunjukkan pendedahan penggunaan Internet telah memberi impak yang positif di dalam membentuk keyakinan diri generasi muda untuk berurusan secara atas talian atau elektronik sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan hidup mereka selari dengan perkembangan teknologi pada zaman ini.

1.3 Faktor – faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Internet

Pembolehubah yang sering dikaji berkaitan penggunaan Internet adalah sikap terhadap Internet. Sebagaimana yang didefinisikan oleh Zhang (2007), sikap terhadap Internet adalah tingkah laku individu yang berkaitan dengan aktiviti dan pengalaman menggunakan Internet. Morse, Gullekson, Morris dan Popovich (2011) mentakrifkan sikap sebagai suatu kognisi individu dan perasaan umum terhadap Internet sebagai maklumat yang mempunyai pelbagai fungsi.

Beberapa pengkaji lepas seperti Isman (2004); Jamaludin Badusah dan Hashimah Hj.Hashim (2005); Peng, Tsai dan Wu (2006); Asan dan Koca (2006); Wen dan Tsai (2006); Zhang (2007); Maryam dan Ahmad (2008); Siragusa dan Dixon (2008); Tekinarslan (2009); Kuo dan Yen (2009); Wang dan Tseng (2011) telah menjalankan kajian berkaitan sikap terhadap Internet. Secara keseluruhan, kajian menunjukkan individu yang mempunyai sikap yang positif terhadap Internet mendorong mereka untuk menggunakan Internet di dalam kehidupan mereka. Selain itu, hubungan di antara sikap terhadap Internet dengan hasrat perlakuan Internet adalah positif apabila murid menunjukkan respon yang menggalakkan terhadap Internet dari aspek akademik terutamanya. Murid telah mengklasifikasikan Internet sebagai suatu medium yang interaktif untuk berkomunikasi, memudahkan aktiviti harian mereka dan mereka juga mempunyai hasrat perlakuan yang tinggi terhadap penglibatan dengan teknologi pada masa hadapan.

Efikasi swadiri Internet juga sering menjadi kajian berkaitan Internet. Eastin dan LaRose (2000) mengaitkan efikasi swadiri Internet sebagai kepercayaan individu terhadap keupayaan untuk mengatur dan melaksanakan tindak balas

berkaitan Internet bagi menghasilkan keputusan yang diperlukan. Selain itu efikasi swadiri Internet juga ditakrifkan sebagai suatu perubahan dinamik terhadap maklumat dan pengalaman baru yang diperoleh di mana ia terdiri daripada tiga komponen iaitu tahap kesukaran, kekuatan dan situasi umum (Torkzadeh, Chang & Demirhan, 2006).

Beberapa pengkaji lepas seperti Hsu dan Chiu (2004); Ture (2004); Eachus dan Cassidy (2006); Torkzadeh, Chang, dan Demirhan (2006); Cheong (2007); Gangadharbatla (2008); Liang dan Tsai (2008); Park (2009); Al-Kfaween (2010); Tsai dan Tsai (2010); Kuo (2010); Oskay (2011); Tsai, Chuang, Liang dan Tsai (2011) telah menjalankan kajian berkaitan efikasi swadiri Internet. Secara keseluruhan, kajian menunjukkan efikasi swadiri Internet murid memainkan peranan positif terhadap sikap mereka dan hasil yang mereka perolehi dari pembelajaran berasaskan Internet. Selain itu, murid yang memiliki efikasi swadiri Internet yang tinggi akan meningkatkan hasrat perlakuan mereka dalam proses pembelajaran di dalam bilik darjah.

Davis (1989) telah memperkenalkan dua pembolehubah iaitu persepsi kemudahgunaan dan persepsi kebergunaan. Kedua-dua pembolehubah ini juga sering dikaji berkaitan Internet. Persepsi kemudahgunaan merujuk kepercayaan seseorang individu itu menggunakan sesuatu teknologi tanpa mengeluarkan usaha yang banyak (Davis, 1989). Persepsi kebergunaan merujuk kepada sejauh mana kepercayaan individu itu bahawa penggunaan sesuatu teknologi itu akan meningkatkan prestasi kerja mereka (Davis, 1989).

Antara pengkaji yang telah menjalankan kajian berkaitan menggunakan kedua-dua pembolehubah tersebut adalah Davis (1989); Qiu, Davis dan Gregory (2003); Saade dan Bahli (2005); Shen, Laffey, Lin dan Huang (2006); Al-Mahamid, McAdams, Al-Kalaldeh dan Al-Sa'eed (2005); Arunkumar (2007); Gribbins (2007); Abdel-Wahab (2008); Kuo dan Yen (2009); Al-mahamid dan Abu Rub (2011); Olatokun dan Owoeye (2012); Sharma dan Chandel (2013). Secara keseluruhan, kajian menunjukkan persepsi kebergunaan dan persepsi kemudahgunaan adalah penentu penting terhadap hasrat perlakuan murid untuk menerima dan menggunakan sesuatu teknologi. Selain itu, ciri-ciri kemudahgunaan dan kebergunaan yang terdapat dalam perkhidmatan Internet telah memupuk hasrat perlakuan murid yang positif terhadap penggunaan Internet pada masa hadapan.

Ajzen dan Fishbein (1980) mendefinisikan hasrat perlakuan terhadap teknologi ialah menjelaskan hasrat perlakuan pengguna yang terdiri daripada dua faktor iaitu sikap dan norma subjektif. Hasrat perlakuan Internet ialah sebagai suatu komponen sikap dan telah dianggap mempunyai kaitan dengan komponen sikap yang afektif. Pengkaji lepas seperti Venkatesh dan Morris (2000) telah menjalankan kajian berkaitan hasrat perlakuan Internet. Secara keseluruhan, kajian menunjukkan hasrat perlakuan individu terhadap Internet adalah signifikan apabila individu mempunyai respon yang positif antaranya

terhadap sikap, efikasi swadiri, persepsi kemudah gunaan dan persepsi kebergunaan Internet.

Berdasarkan sorotan kajian lepas penyelidik mendapati faktor seperti efikasi swadiri, sikap, persepsi kemudahgunaan dan persepsi kebergunaan mempunyai hubungan dengan hasrat perlakuan. Oleh itu telah wujud suatu keperluan bagi kajian ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat berkaitan hasrat perlakuan terhadap penggunaan Internet dalam kalangan murid sekolah menengah di Kelantan. Kajian ini dijalankan bagi melihat dengan lebih jelas proses perkembangan teknologi maklumat dalam kalangan murid di Kelantan secara lebih dekat samada teknologi ini telah membawa perubahan yang lebih baik dari segi akademik ataupun bukan akademik.

1.4 Pernyataan Masalah

Pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan Internet di Kelantan antaranya Rosniza Ismail (2012) menjalankan kajian berkaitan “*Intention to adopt ICT among SMEs in Kelantan: A study of Pasar Siti Khadijah*”, Rahman Lob Yussof, Heng Buai Chin dan Tg Muhamini Tuan Mat (2004) menjalankan kajian berkaitan “*Kesedaran dan kemahiran ICT di kalangan pensyarah IPTA Kelantan*”, Abdul Rahim Hamdan dan Muhamad Azam Jaafar (2011) menjalankan kajian berkaitan “*Komputer dan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran*”, Zamri Mahamod dan Noor Syazwani Roni (2013) menjalankan kajian berkaitan “*Tahap kemahiran generik pelajar dalam pembelajaran kesusastraan Melayu*”, Danuri Sakijan, Mohd Sabri Mohamad dan Hamdan Lias (2004) menjalankan kajian berkaitan “*Kajian tahap kesedaran penggunaan teknologi komputer di kalangan pengusaha-pengusaha batik di Kelantan*”. Secara keseluruhan kajian yang dijalankan di Kelantan hanya meliputi masalah berkaitan faktor yang mempengaruhi niat untuk menggunakan ICT di kalangan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS), tahap kesedaran dan tahap kemahiran ICT di kalangan pensyarah, tahap penggunaan komputer dan Internet dalam P&P di kalangan guru sekolah menengah, kemahiran TMK berdasarkan perbezaan jantina murid sekolah menengah, tahap kesedaran penggunaan teknologi komputer di kalangan pengusaha-pengusaha batik di Kelantan. Sampel kajian pula hanya merangkumi golongan peniaga, pensyarah, guru dan murid sekolah yang berfokuskan kepada aspek seperti tahap penggunaan ICT, tahap kesedaran dan tahap kemahiran ICT sahaja. Oleh itu kajian ini dijalankan bagi memenuhi gap yang ada dengan mengkaji faktor peramal hasrat perlakuan terhadap Internet dalam kalangan murid sekolah menengah di Kelantan.

Pelbagai kajian telah dijalankan bagi mengkaji sikap terhadap Internet antaranya Hazura Mohamed, Hairulliza, Siti Fadzilah dan Zawiyah (2012) menjalankan kajian berkaitan “*Jurang Digital dan Pendidikan di Luar Bandar: Tahap Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Pelajar*”, Adenuga, Owoyele dan Adenuga (2011) menjalankan kajian berkaitan “*Gender and Socio-economic Background Differentials in Students' Attitude to Information and Communication Technology Education in Nigerian Secondary Schools:*

Implications for Policy, ICT Education and Counselling", Inal dan Cagiltay (2006) menjalankan kajian berkaitan "Turkish Female Students' Attitudes Toward Internet, Computers And Game Play From The View Of Cultural Perspectives". Secara keseluruhan, kajian menunjukkan faktor pemilikan komputer, kesan tingkah laku terhadap Internet, sikap terhadap penggunaan TMK yang rendah menyumbang kepada sikap yang negatif dalam kalangan murid. Murid mempunyai sikap yang negatif terhadap ICT di sebabkan oleh faktor kurang pendedahan tentang ICT, dan akses yang terhad untuk menggunakan kemudahan komputer dan kemudahan ICT yang lain.

Pelbagai kajian telah dijalankan bagi mengkaji efikasi swadiri Internet antaranya Miliszewska dan Sztendur (2010) menjalankan kajian berkaitan "Interest in ICT Studies and Careers: Perspectives of Secondary School Female Students from Low Socioeconomic Backgrounds". Secara keseluruhan, kajian menunjukkan efikasi swadiri murid sekolah menengah adalah rendah. Keadaan ini deisebabkan oleh faktor sosioekonomi, tidak memiliki kemudahan komputer di rumah, kurang pendedahan mengenai ICT dan kurang kemahiran berkaitan ICT. Ini menunjukkan bahawa pendedahan awal mengenai ICT pada awal tahun sekolah dapat menjadi pemangkin untuk membantu meningkatkan efikasi swadiri dan kemahiran murid terhadap ICT.

Pelbagai kajian telah dijalankan bagi mengkaji tempoh akses Internet dan penggunaan Internet antaranya Conradson dan Hernandez-Ramos (2004) menjalankan kajian berkaitan "Computers, The Internet and Cheating Among Secondary School Students: Some Implications for Educators", Wanajak (2011) menjalankan kajian berkaitan "Internet use and its impact on secondary school students in Chiang Mai, Thailand", Siti Zubaidah Ahmad (2011) menjalankan kajian berkaitan "Penggunaan Internet untuk Tujuan Pembelajaran di Kalangan Remaja Sekolah di Daerah Pulau Langkawi, Kedah", Hazura Mohamed, Hairulliza, Siti Fadzilah dan Zawiyah (2012) menjalankan kajian berkaitan "Jurang Digital dan Pendidikan di Luar Bandar: Tahap Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Pelajar", Irfan Naufal Umar dan Noor Afidah Jalil (2012) menjalankan kajian berkaitan "ICT skills, practices and barrier of its use among secondary school students", Johari Hassan dan Raja Shahrina Raja Abdul Rashid (2012) menjalankan kajian berkaitan "Ketagihan penggunaan Internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di bandaraya Johor Bahru", Maizatul Haizan Mahbob dan Mohd Helmi Abd. Rahim (2013) menjalankan kajian berkaitan "Kebergantungan Internet dan Aktiviti Online Remaja di Lembah Kelang", Gencer dan Koc (2012) menjalankan kajian berkaitan "Internet Abuse Among Teenagers and its Relations to Internet Usage Patterns and Demographics", Normah Mustaffa, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan Mahbob dan Mohd Helmi Abd. Rahim (2013) menjalankan kajian berkaitan "Kebergantungan Internet dan Aktiviti Online Remaja di Lembah Kelang". Secara keseluruhan, kajian menunjukkan kesan penggunaan Internet, kemahiran ICT dan halangan penggunaan ICT, tahap dan punca ketagihan penggunaan Internet terhadap murid sekolah menengah, serta kesan penggunaan komputer, sikap dan penerimaan komputer dalam kalangan murid sekolah menengah. Penyalahgunaan kemudahan Internet turut diperoleh

daripada dapatan kajian di mana murid terlibat dengan masalah Internet buli. Masalah ini adalah di sebabkan oleh beberapa faktor seperti penggunaan Internet yang berlebihan tanpa kawalan, toleransi, keasyikan dengan Internet dan menggunakan Internet sebagai tempat melepaskan tekanan dengan membuli individu lain. Majoriti murid menggunakan Internet untuk melayari laman sosial pada setiap hari untuk berhubung dengan rakan melalui rangkaian sosial dan sebagai platform untuk berhibur. Kekerapan menggunakan Internet dalam kalangan murid adalah melebihi 5 jam sehari dimana mendorong mereka untuk ketagih menggunakan Internet. Tahap kebergantungan remaja terhadap Internet adalah tinggi. Mereka meluangkan masa melebihi 6 jam sehari menggunakan Internet untuk bersosial, berinteraksi, mengumpul maklumat, berhibur dan berkongsi maklumat dengan rakan lama dan baru.

Selain itu, tahap penggunaan aplikasi Internet dalam kalangan murid luar bandar adalah rendah, capaian Internet, kemudahan infrastruktur Internet, pendedahan Internet dalam kalangan ibubapa dan guru, jurang digital dan pendidikan di luar Bandar terhadap tahap literasi TMK, murid menyalahgunakan kemudahan Internet dengan memplagiati kerja sekolah. Tahap penggunaan aplikasi Internet dalam kalangan murid adalah rendah. Selain itu, kemudahan akses Internet yang terhad kepada sekolah dan siber kafe sahaja tempat untuk mengakses Internet telah melimitkan progress murid untuk mahir menggunakan aplikasi Internet. Faktor sosioekonomi dan kemudahan Internet telah menjadi penghalang kepada murid untuk meningkatkan prestasi mereka di dalam akademik.

Pelbagai kajian telah dijalankan bagi mengkaji kemudahgunaan Internet, kebergunaan Internet dan hasrat perlakuan Internet antaranya Badri, Al-Rashedi, Yang, Mohaidat dan Al-hammadi (2014) menjalankan kajian berkaitan “*Students' intention to take online courses in high school: A structural equation model of causality and determinants*”, Mohd Zaidi Mahmud dan Bahiyah Omar (2013) menjalankan kajian berkaitan “*Motif dan kekerapan Penggunaan Facebook dalam Kalangan Pelajar Universiti*”, Razaleigh Muhamat dan Ahmad Tarmizi Talib (2013) ‘*Kecenderungan Melayari Internet dalam kalangan Remaja India Muslim di Kuala Lumpur*’, Farah Adila Abdullah, Siti Zobaidah Omar, Jusang Bolong, Jeffrey Lawrence D’Silva dan Hayrol Azril Mohamed Shaffril (2013) ‘*Behavioural Factors Influencing Usage of Rural Library services among Youth in Malaysia*’ . Secara keseluruhan, kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara hasrat perlakuan untuk menggunakan e-pembelajaran dengan persepsi kemudahgunaan, persepsi kebergunaan dan faktor-faktor lain (ciri-ciri pengguna dan sokongan). Penggunaan rangkaian sosial juga mempengaruhi hasrat perlakuan untuk menggunakan e-pembelajaran dalam kalangan murid. Selain itu keselesaan semasa menggunakan teknologi juga hasrat perlakuan murid untuk menggunakan kursus berdasarkan web. Antara implikasi kajian dari aspek sekolah ialah pihak pendidik perlu mereka meningkatkan motivasi murid untuk belajar tentang teknologi. Murid yang mengambil matapelajaran berdasarkan web perlu mempunyai persediaan dan bermotivasi untuk melibatkan diri dengan peralatan yang diperlukan supaya mempunyai pengalaman

pembelajaran yang Berjaya dan berkesan. Oleh itu pendidik bertanggungjawab untuk membantu murid membuat persediaan untuk menggunakan teknologi dengan menyediakan pelbagai latihan kepada mereka. Sokongan daripada pelbagai sumber seperti sekolah, guru dan masyarakat turut mempengaruhi hasrat perlakuan dan persepsi murid untuk menggunakan e-pembelajaran.

Oleh itu kajian ini dijalankan bagi memenuhi jurang yang wujud berdasarkan kajian lepas dengan mengkaji faktor peramal hasrat perlakuan terhadap Internet dalam kalangan murid sekolah menengah di Kelantan. Antara jurang penyelidikan ialah kurang kajian dijalankan dalam kalangan murid sekolah di Kelantan (Yussof (2004); Sakian (2004); Abdul Rahim Hamdan & Muhamad Azam Jaafar (2011); Rosniza (2012); Zamri Mahamod & Noor Syazwani Roni (2013), lokasi kajian tertumpu di pantai barat dan masalah lokasi iaitu luar Bandar dan Bandar lebih ketara di Kelantan (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, 2013). Pembolehubah kajian seperti efikasi swadiri, sikap terhadap Internet, persepsi kemudahgunaan dan persepsi kebergunaan diperoleh daripada kajian lepas yang berkaitan dengan hasrat perlakuan telah di aplikasikan di dalam kajian ini.

1.5 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ialah menentukan:

1. Sikap terhadap Internet.
2. Efikasi swadiri Internet.
3. Persepsi terhadap kemudahgunaan Internet.
4. Persepsi terhadap kebergunaan Internet.
5. Hasrat perlakuan murid terhadap penggunaan Internet.
6. Hubungan di antara sikap terhadap Internet, efikasi swadiri Internet, persepsi terhadap kemudahgunaan Internet, persepsi terhadap kebergunaan Internet, dengan hasrat perlakuan murid terhadap penggunaan Internet.
7. Faktor peramal yang menyumbang kepada hasrat perlakuan murid terhadap penggunaan Internet.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dijalankan dalam kalangan murid tingkatan 4 di Kelantan adalah seperti berikut:

1. Apakah sikap terhadap Internet?
2. Apakah efikasi swadiri Internet?
3. Apakah persepsi murid terhadap kemudahgunaan Internet?
4. Apakah persepsi murid terhadap kebergunaan Internet?
5. Apakah hasrat perlakuan murid terhadap penggunaan Internet?
6. Adakah terdapat hubungan di antara sikap terhadap Internet dengan hasrat perlakuan murid terhadap penggunaan Internet?
7. Adakah terdapat hubungan di antara efikasi swadiri Internet dengan hasrat perlakuan murid terhadap penggunaan Internet?

8. Adakah terdapat hubungan di antara persepsi kemudahgunaan Internet dengan hasrat perlakuan murid terhadap penggunaan Internet?
9. Adakah terdapat hubungan di antara persepsi kebergunaan Internet dengan hasrat perlakuan murid terhadap penggunaan Internet?
10. Apakah faktor yang menyumbang kepada hasrat perlakuan murid terhadap penggunaan Internet?

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Internet

Duffy dan McDonald (2011); Shelly, Cashman, Gunter dan Gunter (2004); Ranjit dan Chua (2002); Jonnaseen (1999) telah mentakrifkan Internet atau *International Networking* sebagai satu rangkaian antarabangsa yang menyambungkan ribuan sistem komputer secara atas talian daripada pelbagai lokasi yang menyediakan sumber maklumat dan perkongsian data yang boleh dicapai (contoh: rumah, pejabat, organisasi dan institusi) menggunakan modem, talian telefon dan alat komunikasi serta teknologi media lain. Dalam kajian ini, Internet merujuk kepada penggunaan perkhidmatan jalur lebar melalui rangkaian komputer yang digunakan oleh murid semasa waktu pembelajaran di sekolah dan rutin harian mereka di luar sekolah.

1.7.2 Efikasi Swadiri Internet

Bandura (1997); Eastin dan LaRose (2000); Tsai dan Tsai (2009); Daugherty, Eastin dan Gangadharbatla (2005); Kinzie, Delcourt dan Powers (1994) mendefinisikan efikasi swadiri Internet adalah kepercayaan, harapan dan keyakinan terhadap keupayaan individu untuk mengatur dan melaksanakan sesuatu tugas, memahami, mengendali dan menilai kandungan di dalam atas talian dan tindak balas berkaitan Internet yang diberikan untuk menghasilkan suatu pencapaian, keputusan yang diberikan. Dalam kajian ini efikasi swadiri Internet merujuk kepada keupayaan dan keyakinan murid sekolah menengah untuk menggunakan Internet semasa mereka akses kepada Internet.

1.7.3 Persepsi Kemudahgunaan

Persepsi kemudahgunaan merujuk kepada sejauh mana individu itu percaya bahawa menggunakan sesuatu sistem tertentu tanpa perlu mengeluarkan usaha yang banyak (Davis, 1989). Dalam kajian ini persepsi kemudahgunaan merujuk kepada sejauh mana murid merasakan Internet adalah aplikasi yang mudah digunakan dan mudah diterima oleh murid sekolah menengah.

1.7.4 Persepsi Kebergunaan

Persepsi kebergunaan merujuk kepada sejauh mana individu itu percaya bahawa menggunakan sesuatu sistem tertentu dapat meningkatkan prestasi

kerja (Davis, 1989). Dalam kajian ini persepsi kebergunaan merujuk kepada sejauh mana murid sekolah menengah cenderung untuk menggunakan Internet sebagai alat bantu mereka di dalam aktiviti akademik.

1.7.5 Sikap

Sikap didefinisikan sebagai tingkah laku, perasaan, aktiviti individu dan pengalaman yang berkaitan dengan Internet sebagai entiti maklumat yang mempunyai pelbagai fungsi (Morse, Gullekson, Morris & Popovich, 2011; Zhang, 2007). Dalam kajian ini sikap merujuk kepada sikap murid sekolah menengah terhadap Internet iaitu sejauh mana mempengaruhi persepsi dan penggunaan mereka terhadap Internet.

1.7.6 Hasrat Perlakuan

Hasrat perlakuan menggunakan Internet menurut Ajzen (1991) di dalam Teori Tingkah Laku merujuk kepada meramalkan kelakuan berdasarkan hasrat dan tingkahlaku yang mana pengguna mempunyai kawalan terhadap kemahanan tersebut. Venkatesh dan Morris (2000) pula mendapati hasrat perlakuan Internet adalah dipengaruhi oleh kemudah gunaan Internet dan kebergunaan Internet. Dalam kajian ini hasrat perlakuan merujuk kepada tindakan dan kemahanan murid sekolah menengah untuk menggunakan Internet di dalam aktiviti akademik mereka.

1.8 Kepentingan kajian

Kemudahan penggunaan Internet merupakan keperluan yang penting dalam kalangan masyarakat kini kerana teknologi Internet mampu mengubah cara hidup dan gaya komunikasi masyarakat. Tambahan pula ciri-ciri yang dimiliki oleh Internet seperti menyampaikan maklumat dengan pantas berbanding media cetak, interaktif yang memberikan maklum balas secara dua hala, kandungan multimedia yang mesra pengguna, serta kos untuk mendapatkan maklumat adalah lebih rendah (Normah Mustaffa, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan Mahbob & Mohd Helmi Abd. Rahim, 2013). Kajian yang dijalankan ini akan memberi manfaat kepada beberapa pihak seperti murid sekolah, guru sekolah, pengetua sekolah, Pegawai Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Tujuan utama kajian ini adalah mengenalpasti faktor peramal hasrat perlakuan terhadap Internet dalam kalangan murid sekolah menengah.

Penyelidikan seperti ini amat bermanfaat bagi pihak pelaksanaan pembangunan pendidikan di Kelantan terutamanya dapat memberi panduan serta membantu pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan dan keputusan yang bersesuaian berdasarkan latar belakang, sikap dan gaya hidup murid serta meningkatkan pengetahuan murid terhadap teknologi Internet supaya bertambah baik dengan penggunaan pendekatan yang efektif. Oleh itu dengan menjadikan faktor yang dikenalpasti di dalam kajian ini seperti efikasi swadiri

Internet, persepsi kemudahgunaan Internet, persepsi kebergunaan dan sikap terhadap Internet sebagai panduan untuk memahami potensi murid yang mempunyai latarbelakang yang berbeza.

Kaedah ini dapat membantu pihak pendidik untuk memperbaiki dan menggunakan pendekatan yang bersesuaian semasa proses P&P menjadi lebih menarik, interaktif dan produktif, perubahan dan penambahbaikan terhadap proses P&P bagi memastikan murid mendapat ilmu pengetahuan yang disampaikan secara efektif, pengetahuan dan kefahaman berkaitan TMK dapat di sampaikan secara menyeluruh kepada murid, penambahbaikan terhadap proses sistem pendidikan di sekolah dapat dilaksanakan dan dipertingkatkan mutu serta kualiti pendidikan di sekolah. Kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat di selaraskan serta persekitaran dan infranstruktur pembelajaran yang bersesuaian yang seimbang dapat di wujudkan di dalam persekitaran sekolah.

Antara kajian lepas yang boleh dimanfaatkan di dalam kajian ini yang berkaitan penggunaan Internet oleh penyelidik lepas antaranya Conradson dan Hernandez-Ramos (2004); Wanajak (2011); Siti Zubaidah Ahmad (2011); Hazura Mohamed, Hairulliza, Siti Fadzilah dan Zawiyah (2012); Irfan Naufal Umar dan Noor Afidah Jalil (2012); Johari Hassan dan Raja Shahrina Raja Abdul Rashid (2012); Maizatul Haizan Mahbob dan Mohd Helmi Abd. Rahim (2013); Gencer dan Koc (2012); Normah Mustaffa, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan Mahbob dan Mohd Helmi Abd. Rahim (2013).

Secara keseluruhan dapatan kajian dapat membantu pihak pendidikan untuk melahirkan murid yang celik komputer dan berkemahiran serta tenaga kerja yang berteknologi dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran di alam pekerjaan pada abad ke-21. Selain itu, kadar prestasi pencapaian dan kemajuan akademik setiap murid dapat dipertingkat bagi melahirkan aset negara yang berilmu pengetahuan tinggi dan berkemahiran dari segi bidang TMK dalam menuju era pasca moden dan berteknologi tinggi untuk bersaing dalam pasaran kerja.

1.9 Limitasi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berdasarkan teori Model Penerimaan Teknologi yang diadaptasi oleh Davis (1986) dengan menggunakan soal selidik yang diadaptasikan oleh beberapa penyelidik yang lepas (Davis (1989); Venkatesh dan Morris (2000); Liaw dan Huang (2003); Tsai dan Tsai (2009); Morse, Gullekson, Morris dan Popovich (2011)) bagi mengenalpasti faktor peramal hasrat perlakuan terhadap Internet dalam kalangan murid sekolah menengah di Kelantan. Terdapat beberapa limitasi kajian terhadap beberapa aspek yang dapat dikenalpasti sepanjang kajian ini dijalankan antaranya ialah skop kajian, populasi dan sampel kajian, soal selidik kajian dan analisis kajian.

Skop kajian ini meliputi murid sekolah tingkatan 4 di negeri Kelantan yang mengambil matapelajaran TMK sebagai subjek elektif di sekolah. Justifikasi pemilihan murid adalah untuk melihat impak ke atas murid dengan segala kemudahan yang disediakan oleh pihak KPM bagi menghasilkan aset negara yang celik IT. Oleh kerana latar belakang dan gaya hidup yang berbeza mungkin mempengaruhi perlakuan setiap murid terhadap Internet maka murid tingkatan 4 yang mengambil subjek TMK telah di pilih sebagai sampel kajian. Rasional pemilihan ini kerana mereka mempunyai pengetahuan, nilai kod etika dan kemahiran asas TMK yang meliputi aspek seperti komunikasi, pengurusan maklumat, mengurus sistem maklumat dan kemahiran menyelesaikan masalah berkaitan penggunaan TMK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Maklumat kajian di kumpul menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada murid dan jawapan yang di peroleh di analisis menggunakan SPSS. Soal selidik ini hanya digunakan untuk tempoh pengumpulan data sepanjang kajian ini dijalankan. Format soal selidik kajian yang meliputi soalan tertutup ini melimitkan kesimpulan penyelidik mengenai hasrat perlakuan murid terhadap Internet adalah tidak menyeluruh dan kurang spesifik kerana tidak melibatkan soal selidik temubual yang meliputi soalan terbuka. Selain itu, maklumat kajian ini bergantung kepada sejauh mana keikhlasan responden dalam memberi jawapan mereka sepanjang penyelidikan ini.

Populasi kajian ini hanya meliputi murid yang mengambil matapelajaran TMK di negeri Kelantan sahaja. Populasi ini hanya sebahagian kecil daripada keseluruhan murid yang bersekolah di negeri Kelantan. Selain itu populasi ini tidak meliputi keseluruhan penduduk di negeri Kelantan. Sampel kajian dipilih secara rawak daripada populasi murid yang mengambil matapelajaran TMK di negeri Kelantan sahaja. Oleh itu dapatan kajian ini hanya boleh digunakan untuk menggambarkan populasi murid sekolah menengah yang mengambil matapelajaran TMK di negeri Kelantan sahaja.

Analisis kajian ini terdiri daripada dua analisis iaitu analisis diskriptif dan analisis inferensi. Analisis inferensi meliputi analisis korelasi dan analisis regresi linear pelbagai di mana data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS version 2.0 sahaja. Analisis kajian ini tidak melibatkan proses penganalisaan data menggunakan pendekatan kaedah perisian SEM yang juga boleh digunakan untuk menguji pembolehubah kajian ini. Pembolehubah kajian yang digunakan adalah berdasarkan cadangan oleh Davis (1986) yang diadaptasi oleh penyelidik iaitu hanya tertumpu kepada efikasi swadiri Internet, kemudahgunaan Internet, kebergunaan Internet, sikap terhadap Internet dan hasrat perlakuan Internet. Pembolehubah lain tidak diambil kira di dalam kajian ini. Oleh itu kajian ini hanya berkisar kepada pembolehubah kajian yang dinyatakan.

1.10 Kesimpulan

Perbincangan di dalam bab ini akan memberi fokus kepada perubahan kajian seperti sikap terhadap Internet, efikasi swadiri Internet, persepsi kemudahgunaan Internet, persepsi kebergunaan Internet dan hasrat perlakuan terhadap Internet. Bab ini akan membincangkan peranan dan kepentingan Internet dalam P&P, penggunaan Internet dalam kalangan murid sekolah, faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan Internet, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi istilah, kepentingan kajian dan limitasi kajian.

RUJUKAN

- Abdul Latif, Adnan Jamaludin, & Zamalia Mahmud. (2011). Intention to Use Digital Library Based on Modified UTAUT Model: Perspectives on Malaysian Postgraduate Students. World Academy of Science, Engineering and Technolog (WASET). *International Journal of Social, Human Science and Engineering*, 5(3). 1-7.
- Abdel-Wahab, A. G. (2008). Modelling Students' Intention to Adopt e-Learning: A case from Egypt. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 9(1), 157-168.
- Abdul Rahim Hamdan & Muhamad Azam Jaafar (2011). Komputer dan Internet dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Journal of Educational Social Science*, 4, 2231-7333.
- Adekunmisi, S. R., Ajala, E. B., & Iyoro, A. O. (2013). Internet Access and Usage by Undergraduate Students: A Case Study of Olabisi Onabanjo University, Nigeria. *Library Philosophy and Practise*, 1-9. Dimuat turun daripada <http://digitalcommons.unl.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=2191&context=libphilprac>
- Adenuga, R.A., Owoyele, J.W., & Adenuga, F.T. (2011). Gender and Socio-economic Differentials in Students' Attitudes to Information and Communication Technology Education in Nigerian: Implications for Policy, ICT Education and Counselling. *International Journal of Psychology and Counselling*, 3(9), 162-166.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1980). *Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Ajzen, I. (1985). *From Intentions to Actions: A Theory of Planned Behavior*, in *Action Control: From Cognition to Behavior*, J. Kuhl and J. Beckman (Eds.). New York: Springer.
- Ajzen, I. (1989). Attitude, Structure, Influence and Role Expectations on Shopping Center Patronage Intentions. *Journal of The Academy of Marketing Science*, 24 (3), 208-218.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior, *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.
- Ali Salman, Mohd Yusof Hj. Abdullah, Mohd Safar Hasim, & Latiffah Pawanteh. (2008). Kelestarian Penggunaan Internet: Kajian dalam Kalangan Belia Melayu di Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 26, 62-72.
- Al-mahamid, S., C.Mcadams, A., Al-Kalakdeh, T., & Al-Sa'eed, M. (2005). The Relationship between Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use,

- Perceived Information Quality and Intention to Use e-Government. *Journal of Theoretical and Applied Information Technology (JATIT)*, 11(1), 30-44.
- Al-mahamid, S., & Abu Rub, F. (2011). Factors that Determine Continuance Intention to Use e-Learning System: An Empirical Investigation. *International Conference on Telecommunication Technology and Applications (IACSIT)*, 5, 242-246.
- Al-Kfaween, E. M. (2010). Self Efficacy Among the Students of the University and Relation to Gender and Specialization. *European Journal of Scientific Research*. 46(3), 416-421.
- Al-Mahmud, M. A. (2011) Students' Attitudes towards Internet: A study on Private Universities of Bangladesh. *European Journal of Business and Management*. 3(6), 9-19.
- Aman. (2010, Mei 18). [150,000 Orang Pengguna Internet di Kelantan](http://amanz.my/2010/05/150000-orang-pengguna-internet-di-kelantan/). Amanz.my. Dimuat turun daripada <http://amanz.my/2010/05/150000-orang-pengguna-internet-di-kelantan/>
- Azmy Mohamed. (2011, Disember 5). *Rasional Pelaksanaan PBS*. UtusanOnline. Dimuat turun daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1205&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Sorensen, C. K. (2010). *Introduction to Research in Education* (8th ed.). Canada: Nelson Education.
- Arunkumar, S. (2007). A study on Attitude and Intention towards Internet Banking with Reference to Malaysian Consumers in Klang Valley Region. *The International Journal of Applied Management and Technology*, 6(1), 115-146.
- Arthur, C., & Brafi, P. O. (2011). Internet Use Among Students in Tertiary Institutions in the Sunyani Municipality, Ghana. *Library Philosophy and Practise(e-journal)*, 1-18. Dimuat turun daripada <http://files.eric.ed.gov/fulltext/ED500059.pdf>
- Arthur, C., & Brafi, P. O. (2013). Internet Use Among Students in Tertiary Institutions in the Sunyani municipality, Ghana. Library Philosophy and Practice. Dimuat turun daripada <http://digitalcommons.unl.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1953&context=libphilprac>
- Asan, A., & Koca, N. (2006). *An Analysis of Students' Attitudes Towards Internet*. Paper presented at the 4th International Conference on Multimedia and Information and Communication Technologies in Education, Seville, Spain.
- Azidah Abu Ziden, Issham Ismail, Robitah Spian & K.Kumutha (2011). The effects of ICT use in teaching and learning on students' achievement in

- science subject in primary school in Malaysia. (2011). *Malaysia Journal of Distance Education*, 13(2), 19-23.
- Badri, M., Al-Rashedi, A., Yang, G., Mohaidat, J., & Al-Hammadi, A. (2014). Students' Intention to Take Online Courses in High School: A Structural Equation Model of Causality and determinants. *Educational Information Technology*.
- Bandura, A. (1997). *Personal efficacy in psychobiologic functioning*. In G. V. Caprara (Ed.), *Bandura: A leader in psychology* (pp. 43-66). Milan, Italy: Franco Angeli.
- Bandura, A. (1994). *Regulative Function of Perceived Self-efficacy*. In M. G. Rumsey, C. B. Walker, & J. H. Harris (Eds.), *Personal Selection and Classification* (pp. 261-271). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Bandura, A. (1993). Perceived Sel-efficacy in Cognitive Development and Functioning. *Educational Psychologist*, 28, 117-148.
- Bandura, A. (1996). *Social Cognitive Theory of Human Development*. In T. Husen & T.N. Postlethwaite (2nd Eds.), *International Encyclopedia of Education* (pp. 5513-5518). Oxford: Pergamon Press.
- Baker-Eveleth, L., & Stone, R. W. (2008). Expectancy Theory and Behavioral Intentions to Use Computer Applications. *Interdisciplinary Journal of Information, Knowledge and Management*, 3, 135-146.
- Bartlett, J.E., Kotrlik, J.W., Higgins, C.C. (2001). Determining Appropriate Sample Size in Survey Research. *Information Technology, Learning, and Performance Journal*, 19(1), 43-50.
- Bahagian Teknologi Pendidikan. (2012, Disember 24). *Bahagian Teknologi Pendidikan*. Dimuat turun daripada <http://www.moe.gov.my/v/profil-jabatan?div=4>
- Belanger, F., & Carter, L. (2010). The Impacts of the Digital Divide on Citizens Intention to Use Internet Voting. *International Journal on Advances in Internet Technology*, 3(3&4), 203-211.
- Brinkerhoff, J., & Koroghlanian, C. M. (2005). Student Computer Skills and Attitudes Toward Internet-delivered Instruction. *Journal of Educational Computing Research*, 32(1), 27-56.
- Butzin, S. M. (2000). Using Instructional Technology in Transformed Learning Environments: An Evaluation of Project Child. *Journal of Research in Educational Computing Education*, 33(4), 367-384.
- Cheong, P. H. (2007). Gender and Perceived Internet Efficacy: Examining Secondary Digital Divides Issues in Singapore. *Women's Studies in Communication*, 30(2), 205-229.

- Chou, C., & Hsiao, M. H. (2000). Internet Addiction, Usage, Gratification, and Pleasure Experience: the Taiwan College Student's Case. *Computers & Education*, 35(1), 65-80.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Publication: Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill.
- Chua, Y. P. (2008). *Asas Statistik Penyelidikan*. Publication: Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill.
- Chua, Y. P. (2009). *Analisis regresi faktor analisis dan analisis SEM*. Publication: Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Clark-Carter, D. (2005). *Quantitative Psychological Research: A Student Handbook*. New York, NY: Taylor & Francis e-Library.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education* (6th ed.). London and New York : Routledge Taylor & Francis Group.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences* (2nd ed.). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Cochran, W. G. (1977). *Sampling Techniques* (3rd ed.). New York: John Wiley & Sons.
- Connolly, T. G., & Sluckin, W. (1971). *An Introduction to Statistics for the Social Sciences*. Mamillan (3rd ed.), (pp.213), New York: Fernhill house, Ltd.
- Conradson, S., & Hernandez-Ramos, P. (2004). Computers, the Internet and Cheating Among Secondary School Students: for Educators. *Practical Assessment, Research & Evaluation*, 9(9). Dimuat turun daripada <http://pareonline.net/getvn.asp?v=9&n=9>
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th ed.). Boston, MA: Pearson Education, Inc.
- Daraha, K. (2013). The Effect of the Internet Use on High School Students: A Case Study of Pattani Province of Thailand. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 91, 241-256.
- Danuri Sakijan, Mohd Sabri Mohamad & Hamdan Lias (2004). Kajian Tahap Kesedaran Penggunaan Teknologi Komputer di Kalangan Pengusaha-pengusaha Batik di Kelantan. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Teknologi MARA. Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan: Universiti Teknologi MARA.
- Davis, F. D. (1993). User Acceptance of Information Technology: System Characteristics, User Perceptions and Behavioral Impacts, *International of Man Machine Studies*, 38, 475-487.

- Davis, F. D. (1986). *A Technology Acceptance Model for Empirically Testing New End-User Information Systems: Theory and Results*. (Unpublished Doctoral Dissertation). Massachusetts Institute of Technology, University of Arkansas.
- Davis, F. D., Bagozzi, R. P., & Warshaw, P. R. (1992). User Acceptance of Computer Technology: A Comparison of Two Theoretical Models. *Journal of Management Science*, 35(8), 982-1003.
- Davis, F. D. (1989). Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, and User Acceptance of Information Technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319-340.
- Davis, S. H. (2008). *Research and Practice in Education. The Search for Common Ground*. United States: Rowman and Littlefield Education.
- Daugherty, T., Eastin, M., & Gangadharbatla, H. (2005). "e-CRM: Understanding Internet Confidence and Implications for Customer Relationship Management," in *Advances in Electronic Marketing*, Irvine clark III and Theresa Flaherty, (Eds). Harrisonburg (pp.67-82), James Madison University, VA: Idea Group Publishing, Inc.
- Daniel, J. (2012). *Sampling Essentials: Practical Guidelines for Making Sampling Choices*. United State: SAGE Publications.
- Devellis, R.F. (2011). *Scale development: Theory and applications*, (3rd ed.). United State: SAGE Publications, Inc.
- Denscombe, M. (2010). *The Good Research Guide for Small-scale Social Research Projects* (4th ed.). New York: The McGraw-Hill Companies.
- Dillon, A., & Morris, M. (1996). User Acceptance of New Information Technology: Theories and Models. In M. Williams (Ed.) *Annual Review of Information Science and Technology*, (Vol.31), Medford NJ: Information Today, (pp.3-32).
- Dogar, C., Kaplan, M., & Gurses, A. (2014). Analysis of the Factors that Influence the Attitudes of Elementary Students for the Internet. *2nd World Conference on Design, Arts and Education (DAE)*, 122, 453-456.
- Duffy, J. L., & Mc.Donald, J. B. (2011). *Teaching and Learning with Technology* (4th Ed). New York : Pearson.
- Eastin, M. A., & LaRose, R. L. (2000). Internet Self-efficacy and the Psychology of the Digital Divide. *Journal of Computer Mediated Communication*, 6 (1), 0-0. doi: 10.1111/j.1083-6101.2000.tb00110.x.
- Eachus, P., & Cassidy, S. (2006). Development of the Web Users Self Efficacy Scale (WUSE). *Informing Science and Information Technology*, 3, 199-209.

- El-Gayar, O., Moran, M., & Hawkes, M. (2011). Students' Acceptance of Tablet PCs and Implication for Educational Institutions. *Educational Technology & Society*, 14,(2), 58-70.
- Erkan, S. (2004). An Evaluation on Teachers' Attitudes towards Computers. Manas University. *Journal of Social Sciences*, 17(12), 141-145.
- Esgi, N., & Bardakci, S. (2007, September). *Determination of the Pre-service Teachers' Attitudes towards Computers: A Case of Gaziosmanpa a University*. Paper presented at the 16th National Congress of Education Sciences, Maltepe University Faculty of Education, Toka.
- Farah Adila Abdullah, Siti Zobaidah Omar, Jusang Bolong, Jeffrey Lawrence D'Silva & Hayrol Azril Mohamed Shaffril (2013). Behavioral Factors Influencing Usage of Rural Library Services Among Youth in Malaysia. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 8(11), 193-205.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1985). *Belief, Attitude, Intention, and Behavior: An Introduction to Research and Theory*. Addison-Wesley, Reading, MA: Addison-Wesley.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1980). Understanding attitudes and predicting social behavior. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Ferdousi, B., & Levy, Y. (2010). Development and Validation of a Model to Investigate the Impact of Individual Factors on Instructors Intention to Use e-Learning Systems. *Interdisciplinary Journal of e-Learning and Learning Objects*. 6, 1-21.
- Farahat, T. (2012). Applying the Technology Acceptance Model to Online Learning in the Egyptian Universities. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 64, 95–104.
- Field, A. (2009). *Discovering Statistics Using SPSS* (3rd Ed.). London: SAGE Publications.
- Fraenkel,J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to Design and Evaluate Research in Education* (8th ed.). New York, NY: The McGraw-Hill.
- Gangadharbatla, H. (2008). Facebook Me: Collective Self-esteem, Need to Belong and Internet Self-efficacy as Predictors of the i-Generations Attitudes toward Social Networking Sites. *Journal of Interactive Advertising*, 8(2), 5-15.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. (2009). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications* (9th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson.

- George, D., & Mallery, P. (2003). *SPSS for Windows Step by step: A Simple Guide and Reference*. (4th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Gencer, S. I., & Koc, M. (2012). Internet abuse among teenagers and its relations to Internet usage patterns and demographics. *Educational Technology and Society*, 15(2), 25-36.
- Gorard, S. (2001). *Quantitative Methods in Educational Research: The Role of Numbers Made Easy*. London: Continuum.
- Gunduz, S., & Ozdinc, F. (2008, May). *The Second Stage of Elementary Students' Internet Self-efficacy*. Kertas dibentangkan di 8th International Educational Technology Conference, Anadolu Üniversitesi, Eskişehir, Turkey.
- Gunduz, S., & korucu, A. T. (2010). The study of the attitudes of the students at vocational training high school towards the internet through certain variables. *Procedia Sosial and Behavioral Sciences*, 2, 4836-4841.
- Gribbins, M. (Eds.). (2007). *The Perceived Usefulness of Podcasting in Higher Education : A Survey of Students' Attitudes and Intention to Use*. Podcasting in Higher Education. Proceedings of the Second Midwest United States for Information System. Springfield.
- Hargis, J. (2001). Can students Learn Science Using Internet?. *Journal of Research on Computing in Education*. 33(4), 475.
- Hazura Mohamed, Hairulliza Mohamad Judi, Siti Fadzilah M.Noor, & Zawiyah M.Yusof. (2012). Jurang Digital dan Pendidikan di Luar Bandar: Tahap Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Pelajar. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik*, 1(2), 1-13.
- Hazman Yusri Yusoff. (2012, Ogos 30). *Laporan Tahunan SKMM 2011. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia*. Dimuat turun daripada <http://www.skmm.gov.my/Resources/Publications/Annual-Reports/MCMC-Annual-Report-2011.aspx>
- Hassan Zainudin, & Jaafar Muhamad Azam. (2010). *Penggunaan Komputer dan Internet dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan Guru Sekolah Menengah di Daerah Pasir Mas, Kelantan*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia. Skudai, Johor Bahru.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis* (7th ed.). New Jersey: Prentice Hall.
- Hairulliza Mohamad Judi, Hazilah Mohd Amin, Nor Azan Mat Zin & Rodziah Latih (2011). Rural students' skills and attitudes towards information and communication technology. *Journal of Social Science*, 7(4), 619-626.

- Halinski, R. S., & Feldt, L. S. (2005). The Selection of Variables in Multiple Regression Analysis. *Journal of Educational Measurement*, 7(3), 151-158.
- Hashimah Haji Hashim (2005). Kesan Penggunaan Internet dalam Penulisan Karangan pelajar sekolah Menengah. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia. Fakulti Pengajian Pendidikan: Universiti Putra Malaysia.
- Hema Rosheny Mustafa, Noridah Sain & Noor Zainab Abdul Razak (2012). Using Internet for Learning Vocabulary among Second language learners in a Sururban School. *Procedia Social and Behavioral Sceninces*, 66, 425-431.
- Hopson, M. H., Simms, R. L., & Knezek, G. A. (2002). Using a Technology-Enriched Environment to Improve Higher-Order Thinking Skills. *Journal of Research on Technology in Education*, 34(2), 109-120.
